

Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Mawar,
Sungai Air Tawar,
43100 Sabak Bernam,
Selangor Darul Ehsan.

Pengarah
Jabatan Arkib Negara Malaysia,
Jalan Duta,
50568 Kuala Lumpur.

10 JANUARI 2017

Tuan,

Mohon Kebenaran Mengadakan Lawatan Sambil Belajar

Berhubung dengan perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa Persatuan Sejarah sekolah kami merancang untuk mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Arkib Negara.

2. Tujuan Lawatan ini adalah untuk mendedahkan murid-murid dengan khazanah warisan negara dan bahan-bahan sejarah, di samping meningkatkan kesedaran tentang pemeliharaan khazanah warisan negara. Lawatan ini juga diharap dapat memupuk minat yang lebih mendalam tentang sejarah di dalam diri murid-murid kami.

3. Untuk makluman tuan, butiran lawatan adalah seperti berikut:

Tarikh : **23 Mac 2017**
Masa : **9:00 pagi hingga 1:00 tengah hari**
Bilangan murid : **75 orang**
Bilangan guru : **5 orang**

4. Diharapkan agar permohonan kami ini mendapat pertimbangan sewajarnya dariada tuan. Selain itu, kami berharap agar tuan dapat memberikan jawapan secepat mungkin memandangkan kami perlu membuat persediaan awal bagi lawatan tersebut.

5. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan, sila hubungi Cik Atheera binti Aqiel melalui telefon di talian 03-7953 1000.

Pertimbangan daripada pihak tuan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Arash bin Mazli

.....
ARASH BIN MAZLI

Setiausaha,
Persatuan Sejarah,
Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Mawar